



SIARAN MEDIA

PENGUKUHAN MODAL INSAN KE ARAH KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN TEMPATAN

PUTRAJAYA, 16 Jun 2023 – Kerajaan bersetuju untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang akan bertanggungjawab melaksanakan penempatan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke PBT yang lain. Ketetapan baharu itu diputuskan pada Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-80 (MNKT Ke-80) yang bersidang pada 14 Jun 2023, dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Penempatan pegawai PBT ke PBT yang lain ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan Kerajaan Tempatan, menambah baik tadbir urus PBT, memperkukuh elemen integriti serta memberi peluang mobiliti, meningkatkan pengalaman, akauntabiliti dan kredibiliti pegawai PBT.

Bagi memastikan pelaksanaan dibuat secara teratur dan seragam, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan satu garis panduan umum sebagai rujukan kepada semua Kerajaan Negeri yang boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian negeri masing-masing. Pemakaian garis panduan tersebut juga adalah tertakluk kepada persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

MNKT Ke-80 turut memperkukuh modal insan melalui pengiktirafan kepada Profesional JKR sebagai badan profesional yang mewakili Kerajaan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi bangunan yang dibina secara kaedah konvensional dalaman JKR.

Melalui inisiatif ini, Arkitek JKR dan Jurutera Profesional JKR yang dilantik melalui surat lantikan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) boleh bertindak sebagai Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person – PSP*) dan Orang Yang Mengemukakan (*Submitting Person – SP*) mewakili Kerajaan bagi melaksanakan urusan mendapatkan kelulusan permit pembinaan daripada PBT sehingga pengeluaran CCC. Bagi memperincikan mekanisme dan proses-proses berkaitan, satu garis panduan akan dibangunkan dengan pihak-pihak berkepentingan untuk rujukan industri dan PBT.

Di samping memperkasa modal insan dan mengiktiraf profesionalisme, inisiatif ini juga dapat memastikan projek bangunan kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR mematuhi keperluan statutori dan mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan berikutan tiada bayaran fi perundangan dibuat malah menggunakan penjawat awam sedia ada.

Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri akan sentiasa bekerjasama dalam memperkasa modal insan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan bagi memastikan dasar, perundangan dan hal ehwal mengenai kerajaan tempatan berada pada tahap yang optimum.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

